

FAKTOR PENDORONG PENGLIBATAN BELIA MELAYU DALAM PROSES PILIHAN RAYA DI MALAYSIA

Abdul Hadi Samsi^{1,a}, Amaludin Ab. Rahman^{2,b},
Ku Hasnita Ku Samsu^{3,c}, Mohd. Mahadee Ismail^{4,d}

^{1,2,3,4}Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43000 Serdang, Selangor Darul Ehsan

^ahadisamsi88@gmail.com, ^bamal@upm.edu.my,
^chasnita@upm.edu.my, ^dmahadee@upm.edu.my

Kata kunci: Penglibatan Politik, Belia Melayu, Faktor Pendorong

Keywords: Political Involvement, Malay Youth, Encouraging Factor

Abstrak. Dalam konteks Islam penglibatan politik lebih menekankan persamaan, kebebasan dan penglibatan dalam politik. Persamaan merujuk kepada hak sama rata bagi setiap individu yang mahu melibatkan diri dalam politik tidak kira sama ada seseorang itu kaya, miskin, tua ataupun muda. Manakala kebebasan politik merujuk kepada kebebasan untuk memilih mana-mana pemimpin tanpa rasa takut dan individu mempunyai hak menyuarakan pendapat serta mengkritik pemerintah sekiranya tindakan yang dilakukan tidak wajar. Penglibatan pula merujuk kepada kebiasaan bagi setiap individu melibatkan diri dalam hal-hal berkaitan politik. Bagi peranan agen sosialisasi seperti keluarga, masyarakat setempat dan media massa dilihat mampu meningkatkan dan menggalakkan penglibatan individu dalam proses pilihan raya. Artikel ini menfokuskan kepada belia Melayu dalam mengenalpasti sejauh mana faktor keluarga, masyarakat setempat dan media massa dapat mempengaruhi penglibatan dalam proses pilihan raya terdiri daripada mendaftar sebagai pengundi, melakukan semakan mengundi dan mengundi pada pilihan raya akan datang. Seramai 906 orang responden dikenal pasti bagi menjawab soal selidik yang telah disediakan. Kaedah diskriptif digunakan untuk menganalisis ciri-ciri responden. Manakala kaedah regresi logistik digunakan untuk mengenalpasti jangkaan faktor pendorong belia Melayu dalam proses pilihan raya. Dapatan kajian menunjukkan terdapat jangkaan faktor-faktor yang signifikan bagi setiap proses pilihan raya yang diketengahkan. Bagi regresi logistik jangkaan penglibatan belia Melayu dalam proses mendaftar sebagai pengundi menunjukkan hanya faktor media massa sahaja signifikan ($p=0.014^{**}$). Manakala jangkaan bagi melakukan semakan mengundi menunjukkan faktor masyarakat setempat signifikan ($p=0.039^{**}$) dan faktor media massa sangat signifikan ($p=0.000^{***}$). Dan bagi jangkaan faktor pendorong belia Melayu dengan proses akan mengundi pada pilihan raya akan datang menunjukkan hanya faktor keluarga sahaja signifikan ($p=0.049^{**}$). Secara keseluruhan artikel ini menerangkan bahawa terdapat jangkaan faktor pendorong tertentu dalam meningkatkan penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya. Sekiranya faktor bagi setiap proses pilihan raya ini diberikan perhatian sudah semestinya mampu meningkatkan penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya di Malaysia.

Abstract. In the context of Islam, the political involvement emphasizes on the equality, freedom and involvement in politics. Equality refers to the equal rights for every individual to be involved in politics regardless of status and age. Whereas the political freedom refers to the freedom to choose the leader without being fearful and at the same time, a freedom of speech to voice out ideas, opinion and to critique the unjust treatment and injustice by the government. The political involvement refers to the habit of every individual to be involved in the political affairs. The effort of the socialist such as family, surrounding community and mass media appeared to be able to increase and encourage the involvement of individual in the election process. This article focuses on the Malay youth in order to identify the impact of family, surrounding community and mass media on the involvement in the election process through the registration as voters, checking on the voting status and the involvement in the upcoming election. A total of 906 respondents were identified to answer the questionnaire prepared. The description method is used to analyse the criteria of the respondents. Whereas the logistic regression method is used to identify the expected factor to encourage the involvement of Malay youth in the process of election. Research outcome has shown the significant factors expected for each process of election being highlighted. For the logistic regression, the probability of the involvement of Malay youth in the registration as voters shows the factor of mass media as a significant factor ($p=0.014^{**}$). Whereas the probability for the checking of voting status shows the factor of surrounding community as significant ($p=0.000^{***}$). The probability of the involvement of Malay youth in upcoming election shows the factor of family as significant ($p=0.049^{**}$). Generally, this article depicts the family factor to be significant in encouraging the Malay youth to be involved in the process of election. However, the involvement of the Malay youth may be increased if the two other factors were equally emphasized.

Pengenalan

Belia boleh diklasifikasikan kepada dua golongan iaitu pertama, belia didalam pertubuhan yang merangkumi pertubuhan belia, kesatuan sekerja, parti politik (kelab pemuda parti), badan kebudayaan, persatuan pelajar, badan agama, badan profesional, persatuan pengguna dan persatuan sukarela. Manakala golongan kedua adalah belia di luar pertubuhan antaranya, pekerja muda, petani muda, pelajar, penganggur, kakitangan kerajaan dan kakitangan swasta (Azizan, 1995).

Pembahagian ini dilihat sangat penting dan perlu diambil peduli oleh mana-mana parti politik bagi memastikan lebih ramai belia berkecimpung dalam pergerakan komponen parti politik amnya dan politik negara khususnya. Hal ini kerana kedua-dua kelompok mempunyai potensi dan peranan yang sangat besar dalam agenda pembangunan masyarakat dan negara. Walaubagaimanapun penglibatan politik ini perlu dilihat melalui penglibatan asas terlebih dahulu iaitu penglibatan belia dalam proses pilihan raya. Penglibatan proses pilihan raya merujuk kepada mendaftar sebagai pemilih bagi membolehkan seseorang individu menjalankan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia dalam menentukan tampuk kepimpinan negara untuk membentuk kerajaan sama ada diperingkat persekutuan atau peringkat negeri. Selain daripada itu proses melakukan semakan mengundi dan mengundi setiap kali pilihan raya juga perlu di titik beratkan dalam meningkat penglibatan belia dalam proses pilihan raya.

Dalam Islam penglibatan setiap individu adalah wajib terutamanya dalam melibatkan diri dalam proses pilihan raya untuk memilih pemimpin. Dalam konteks Islam juga penglibatan politik lebih menekankan persamaan, kebebasan dan penglibatan dalam politik. Persamaan merujuk kepada hak sama rata bagi setiap individu yang mahu melibatkan diri dalam politik tidak kira sama ada seseorang itu kaya, miskin, tua ataupun muda. Manakala kebebasan politik merujuk kepada kebebasan untuk memilih mana-mana pemimpin tanpa rasa takut dan individu mempunyai hak menyuarakan pendapat serta mengkritik sesiapa sahaja pemerintah sekiranya tindakan yang dilakukan tidak betul. Penglibatan pula merujuk kepada kebiasaan bagi setiap individu melibatkan diri dalam hal-hal berkaitan politik (Ahmad Ridzuwan Mohd Yunus, 2003).

Terdapat pelbagai faktor yang mampu mendorong penglibatan belia dalam porses pilihan raya antaranya seperti keluarga, masyarakat dan media massa. Keluarga merupakan salah satu agen sosialisasi politik yang sangat berpotensi mempengaruhi diri individu, kerana keluarga merupakan lingkungan utama dalam menentukan tindakan seseorang sebelum berkenalan dan bersosial dengan masyarakat. Secara umumnya seseorang individu banyak menghabiskan masa bersama keluarga, oleh sebab itu keluarga mampu mempengaruhi individu. Begitu juga dalam mengaitkan hubungan keluarga dengan kehidupan politik seseorang (Im Shoimah, 2013).

Bagi faktor masyarakat pula boleh merujuk kepada keadaan penduduk setempat yang mesra, saling menghormati antara satu sama lain dan sentiasa bekerjasama dalam menjalankan setiap aktiviti yang dianjurkan mampu memberikan dorongan dan galakkan kepada masyarakat sekeliling untuk bergiat aktif dalam semua program dan apa jua aktiviti yang dianjurkan, begitu juga dengan aktiviti yang melibatkan politik mampu menjadi tarikan kepada masyarakat setempat untuk berkecimpung dan bergiat aktif dalam politik sekiranya setiap individu tersebut berasa selesa sertamampu menerima apa jua bentuk program yang dijalankan di kawasan tersebut (Alex Victor Wanma, 2013).

Faktor media massa pula penggunaan media baharu seperti *Facebook*, *Instagram*, *twitter* dan lain-lain mempunyai kaitan dengan penglibatan politik belia (Fatimah & Ali, 2015; Cross & Young, 2008). Namun, sebanyak mana pengaruh media dalam mempengaruhi penglibatan belia Malaysia dalam proses pilihanraya iaitu pendaftaran mengundi, melakukan semakan mengundi dan mengundi setiap kali pilihan raya masih lagi menjadi tanda tanya.

Oleh itu artikel ini membincangkan dan mengetengahkan sejauh mana agen sosialisasi seperti keluarga, masyarakat setempat dan media massa mampu mempengaruhi penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya di Malaysia.

Tinjauan Literatur

Dalam kehidupan seseorang terdapat pelbagai faktor yang mampu menentukan tindakan seseorang. Pada peringkat kanak-kanak agen sosialisasi seperti keluarga, masyarakat setempat dan kawasan sekeliling memainkan peranan yang amat besar dalam pembentukan sikap politik dan tingkah laku politik sebelum kanak-kanak tersebut meningkat dewasa (Almond & Verba, 1984).

Menelusuri pengaruh keluarga dalam politik ini terdapat beberapa kajian lepas yang turut menyatakan terdapat faktor pendorong yang dimainkan oleh keluarga dalam penglibatan politik seseorang. Kenyataan pengaruh keluarga turut disokong oleh Neena Sharma dengan menyatakan bahawa pengaruh keluarga lebih besar dalam sosialisasi politik berbanding pengaruh daripada agen sosialisasi politik yang lain seperti sekolah, media massa, parti politik, rakan sebaya dan sebagainya walaupun agen-agen lain ini turut mampu mempengaruhi penglibatan politik seseorang (Neena Sharma, 1985).

Berdasarkan peranan masyarakat dengan politik mengikut perspektif Islam terdapat pernyataan yang menunjukkan bahawa pendekatan politik Islam dapat memenuhi kehendak dan cita rasa masyarakat. Falsafah politik Islam dengan slogan “Membangun Bersama Islam” merupakan asas penting dalam menentukan halajutu pentadbiran. Melalui slogan ini pelbagai program dirangka dan dijalankan berdasarkan pentadbiran Islam dalam dimensi baharu bagi memenuhi kehendak dan cita rasa masyarakat terutamanya dalam produk keislaman dan kebajikan. Apabila masyarakat dapat menerima pentadbiran tersebut maka penglibatan dalam politik dan sokongan masyarakat terhadap parti pemerintah akan meningkat (Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien & Syed Abdulrahman, 2011).

Media massa adalah satu alat komunikasi dalam bentuk kemajuan teknologi bagi menyalurkan informasi. Pengaruh media massa berbeza-beza terhadap setiap individu kerana terdapat perbezaan dari segi corak pemikiran serta perbezaan budaya dari satu tempat dengan tempat yang lain (Sohana Abdul Hamid, 2016). Sejarah awal media massa menunjukkan berlakunya perkembangan teknologi internet melalui komunikasi, penggunaan awal pada ketika itu bermula dengan mesej secara lisan, skrip, cetak, elektronik (*wired and wireless*) dan akhirnya komunikasi digital. Sistem komunikasi dengan menggunakan internet telah memberi kesan kepada kehidupan seharian masyarakat dunia bermula awal diperkenalkan sehinggalah pada hari ini (Chen, 2012).

Berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perkaitan antara agen-agen sosialisasi terdiri daripada keluarga, masyarakat dan media massa dengan penglibatan politik seseorang dalam proses pilihan raya. Tuntasnya artikel ini akan melihat dengan lebih jelas sejauh mana peranan keluarga, masyarakat setempat dan media massa mampu mempengaruhi penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya terdiri daripada mendaftar sebagai pemilih, melakukan semakan mengundi dan akan mengundi pada pilihan raya akan datang sekaligus menguatkan lagi dapatan kajian-kajian lepas.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif dengan responden menjawab soalan kaji selidik yang diedarkan secara rawak disetiap negeri yang terpilih. Sample kajian dipilih melalui kaedah rawak mudah dengan 906 orang responden belia Melayu dikenalpasti di Malaysia. Kajian menumpukan kepada pemilihan belia berumur 21 tahun sehingga 40 tahun. Lingkungan umur dipilih kerana mengikut perlembagaan Malaysia menerusi Suruhanjaya Pilihan Raya membolehkan golongan tersebut mengundi, disamping garis penetapan umur belia di Malaysia bermula daripada 15 tahun sehingga 40 tahun (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015). Dalam kajian kuantitatif, responden terpilih dibahagikan kepada bilangan tertentu dengan mengikut pengiraan “*Probability Proportional to Size*” (PPS) *Cluster Sampling*. Kaedah ini digunakan bagi memastikan jumlah responden yang dikehendaki seimbang dan juga tidak berat sebelah, kaedah ini juga mendapati pemilihan responden yang dibuat adalah lebih baik dan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan responden mengikut kaedah PPS tersebut (Yeo Wee Teck, 2010).

Kaedah penganalisis data dalam kajian ini menggunakan “*Statistical Package of the Social Science for Windows*” (SPSS). Dalam kaedah SPSS ini, dapatan kajian menggunakan ujian statistik deskriptif. Statistik deskriptif digunakan ini adalah dalam bentuk frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai, iaitu digunakan untuk menganalisis maklumat tentang latar belakang responden.

Manakala kaedah regrasi logistik digunakan untuk menganalisis jangkaan faktor pendorong yang terdiri daripada faktor keluarga, faktor masyarakat setempat dan faktor media massa terhadap penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya yang terdiri daripada mendaftar sebagai pengundi, melakukan semakan mengundi dan mengundi pada pilihan raya akan datang. Regrasi logistic akan dipecahkan kepada tiga bahagian bagi setiap proses pilihan raya bagi melihat dengan lebih jelas faktor-faktor pendorong yang mampu meningkatkan penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Jadual 1 : Ciri-ciri Demografi Responden (N = 906)			
Demografi		n	%
Jantina	Lelaki	455	45.2
	Perempuan	452	49.8
Umur	21 tahun – 25 tahun	513	56.6
	26 tahun – 30 tahun	160	17.6
	31 tahun – 35 tahun	105	11.6
	36 tahun – 40 tahun	129	14.2
Taraf Pendidikan Tertinggi			
Sijil Pelajaran Malaysia		189	20.8
Diploma/STPM		269	29.7
Sarjana Muda		402	44.3
Sarjana dan ke atas		47	5.2
Pekerjaan			
	Penjawat Awam	202	22.3
	Pekerjaan Swasta	229	25.2
	Kerja Sendiri	119	13.1
	Pelajar	309	34.1
	Suri Rumah/ Tidak Bekerja		
		48	5.3

Demografi responden adalah seramai 906 orang yang terdiri daripada belia Melayu berusia 21 sehingga 40 tahun di Malaysia dan di ambil secara rawak. Seramai 455 orang (45.2%) lelaki dan 452 orang (49.8%) perempuan dikenal pasti bagi kajian ini. Daripada jumlah responden mereka yang berusia 21 hingga 25 tahun adalah seramai 513 orang (56.6%), 26 hingga 30 tahun seramai 160 orang (17.6%), 31 hingga 35 tahun seramai 105 orang (11.6%) dan 36 hingga 40 tahun seramai 129 orang (14.2%).

Bagi taraf pendidikan responden bagi Sijil Pelajaran Malaysia seramai 189 orang (20.8 %), Diploma atau STPM seramai 269 orang (29.7%), Sarjana Muda 402 orang (44.3%) dan bagi mereka yang mempunyai pendidikan Sarjana dan ke atas seramai 47 orang (5.2%). Pekerjaan responden yang terlibat pula, mereka yang terlibat dalam sektor kerajaan adalah seramai 202 orang (22.3%), sektor swasta seramai 229 orang (25.2%), bekerja sendiri seramai 119 orang (13.1%), pelajar seramai 309 orang (34.1%) dan suri rumah tangga dan mereka yang tidak bekerja seramai 48 orang (5.1 %). Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri demografi responden.

Regrasi Logistik

Kaedah Regrasi Logistik digunakan bagi mengenalpasti sejauh mana jangkaan faktor penglibatan belia dalam tiga proses utama pilihan raya iaitu, pendaftaran mengundi, semakan mengundi dan akan mengundi pada pilihan raya akan datang. Dalam kehidupan manusia terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi tidakan individu, begitu juga bagi dapatan kajian ini yang menunjukkan samaada faktor keluarga, masyarakat setempat atau media massa yang paling signifikan dengan proses pilihan raya tersebut (Nency *et. all*, 2008). Dapatan kajian ini boleh dirujuk melalui dapatan kajian pada jadual 2, 3 dan 4 di bawah.

Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Belia Melayu Mendaftar Sebagai Pengundi

Regrasi Logistik digunakan untuk mengukur samaada ketiga-tiga faktor yang mendorong penglibatan belia Melayu iaitu, faktor keluarga, masyarakat setempat dan media massa dapat mempengaruhi melakukan pendaftaran mengundi atau tidak. Model keseluruhan menunjukkan signifikan apabila kesemua ketiga-tiga faktor dimasukkan kedalam model, ini bermakna ketiga-tiga faktor menjangkakan belia Melayu melakukan pendaftaran mengundi atau tidak dengan nilai model *chi-square* (x²= **8.680**, df =**3**, N= **906**, p < **0.001**). Jadual 2 menunjukkan kebarangkalian pendaftaran mengundi bertambah apabila terdapat peningkatan dalam pengaruh media massa. Media massa dilihat mampu memainkan peranan yang sangat besar apabila data menunjukkan signifikan dan faktor keluarga serta masyarakat setempat menunjukkan

tidak signifikan. Oleh itu peranan media massa amat besar terutama dalam menyalurkan sebarang maklumat berkaitan pendaftaran pengundian dan mendorong keterlibatan belia dalam proses pengundian.

Jadual 2 : Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Belia Melayu Mendaftar Sebagai Pengundi				
Pemboleh ubah	B	SE	Odds Ratio	p
Faktor keluarga	0.010	0.012	0.990	0.404
Faktor Masyarakat Setempat	0.006	0.010	1.006	0.533
Faktor Media Massa	0.023	0.009	1.023	0.014**
(X ² = 8.680, df = 3, N= 906, p<0.001)				

Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Belia Melayu Melakukan Semakan Pengundian

Regrasi Logistik juga digunakan untuk mengukur samaada ketiga-tiga faktor yang mendorong penglibatan belia Melayu iaitu, faktor keluarga, masyarakat setempat dan media massa dapat mempengaruhi melakukan semakan mengundi atau tidak. Model keseluruhan menunjukkan signifikan apabila kesemua ketiga-tiga faktor dimasukkan kedalam model, ini bermakna ketiga-tiga faktor menjangkakan belia melakukan semakan mengundi atau tidak dengan nilai model *chi-square* (**x² = 34.418, df =3, N= 906, p< 0.001**). Jadual 3 menunjukkan kebarangkalian semakan mengundi meningkat apabila terdapat peningkatan dalam pengaruh masyarakat setempat dan pengaruh media massa dalam proses pilihan raya. Merujuk kepada dapatan kajian ini jelas menunjukkan faktor masyarakat setempat dan media massa signifikan dan sangat signifikan berbanding faktor keluarga yang dilihat kurang mempengaruhi penglibatan belia Melayu untuk melakukan semakan mengundi. Oleh itu dalam mempertingkatkan penglibatan belia dalam melakukan semakan pengundian masyarakat boleh bertindak sebagai agen penggerak dalam membantu golongan belia Melayu untuk mengetahui cara melakukan semakan mengundi dan manakala medium media massa perlu ditingkatkan dalam menyalurkan maklumat terutamanya berkaitan info dan apa juga hal-hal berkaitan proses pilihan raya kepada golongan sasar berkenaan. Dengan adanya jangkaan faktor ini sedikit sebanyak dapat membantu Suruhanjaya Pilihan Raya untuk merangka gerak kerja yang lebih berkesan dengan menggunakan jangkaan faktor logistik bagi melakukan semakan mengundi iaitu, menfokuskan kepada faktor masyarakat setempat dan media massa.

Jadual 3 : Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Belia Melayu Melakukan Semakan Pengundian				
Pemboleh ubah	B	SE	Odds Ratio	p
Faktor keluarga	0.007	0.012	0.993	0.525
Faktor Masyarakat Setempat	0.021	0.010	1.021	0.039**
Faktor Media Massa	0.037	0.009	1.038	0.000***
(X ² = 34.418, df = 3, N= 906, p<0.001)				

Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Belia Melayu Mengundi Pada Pilihan Raya Akan Datang

Regrasi Logistik turut digunakan untuk mengukur sama ada ketiga-tiga faktor yang mendorong penglibatan belia Melayu iaitu, faktor keluarga, masyarakat setempat dan media massa dapat mempengaruhi mengundi pada pilihan raya akan datang atau tidak. Model keseluruhan menunjukkan signifikan apabila kesemua ketiga-tiga faktor dimasukkan kedalam model, ini bermakna ketiga-tiga faktor menjangkakan belia akan mengundi pada pilihan raya akan datang atau tidak dengan nilai model *chi-square* (**x² = 16.959, df =3, N= 906, p < 0.001**). Jadual 4 menunjukkan kebarangkalian semakan mengundi meningkat apabila terdapat peningkatan dalam pengaruh keluarga dalam proses pilihan raya. Berkaitan dapatan kajian regrasi logistik bagi jangkaan belia Melayu mengundi pada pilihan raya akan akan datang menunjukkan hanya faktor keluarga sahaja signifikan , manakala faktor masyarakat setempat dan faktor media massa tidak signifikan. Oleh itu peranan keluarga dilihat sangat besar dalam memastikan belia Melayu turut sama dalam melibatkan diri dalam proses pilihan raya dengan memberikan galakkan kepada mereka untuk turun mengundi pada pihan raya akan datang. Ahli keluarga yang bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti atau program-program yang berunsurkan politik mampu memberikan motivasi kepada ahli keluarga terutamanya golongan belia untuk bergiat aktif sama. Manakala ahli keluarga pasif dan tidak menceburkan diri dengan aktiviti dan penganjuran berunsurkan politik akan menyebabkan ahli keluarganya turut sama tidak bergiat aktif. Oleh itu setiap ahli keluarga perlu memainkan peranan dengan memberikan galakkan dan dorongan

kepada setiap ahli keluarga supaya sistem demokrasi yang di amalkan di Malaysia akan terus subur, menarik dan dinamik.

Jadual 4 : Regrasi Logistik Bagi Jangkaan Belia Melayu Mengundi Pada Pilihan Raya Akan Datang				
Pemboleh ubah	B	SE	Odds Ratio	p
Faktor keluarga	0.026	0.013	1.027	0.049**
Faktor Masyarakat Setempat	0.016	0.012	1.006	0.179
Faktor Media Massa	0.008	0.010	1.008	0.444
(X ² = 16.959, df = 3, N= 906, p<0.001)				

Kesimpulan

Secara keseluruhan artikal ini telah mengetengahkan jangkaan faktor-faktor terdiri daripada faktor keluarga, masyarakat setempat dan media massa terhadap penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya di Malaysia terdiri daripada mendaftar sebagai pengundi, melakukan semakan mengundi dan mengundi pada pilihan raya akan datang.

Dapatan kajian juga jelas menunjukkan setiap jangkaan faktor pendorong terhadap penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya terdapat faktor yang signifikan dan tidak sigifikan. Dengan adanya jangkaan ini dapat membantu badan-badan tertentu seprti Suruhanjaya Pilihan Raya, parti-parti politik, masyarakat setempat serta keluarga untuk turut sama membantu dalam meningkatkan penglibatan belia di Malaysia umumnya dan belia Melayu khususnya dalam sama-sama meningkatkan keterlibatan mereka dalam proses pilihan raya. Untuk menggalakkan keterlibatan golongan belia dalam proses pilihan raya, setiap agen sosialisasi perlu turut sama berganding bahu dan mengembeling tenaga dalam usaha mengimarahkan proses demokrasi di Malaysia, sejajar dengan tuntutan Islam dengan menuntut setiap ahlinya untuk terlibat dalam proses pilihan raya. Proses demokrasi ini juga dilihat wajib untuk setiap umat islam terlibat terutamanya dalam proses memilih pemimpin.

Rujukan

Alex, V., W. (2013). Pentingnya Pendidikan Politik Muda Terhadap Pelaksanaan Partisipasi Politik Di Distrik Samofa Kabupaten Biak. Number 1.

Almond, G., A. & Verba, S. (1984). Budaya Politik: Tingkahlaku Politik Dan Demokrasi Di Lima Negara, Jakarta: P. T. Bina Aksara.

Azizan, B. (1995). Belia dan Masyarakat. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.

Chen, G., M. (2012). The Impact Of New Media On Intercultural Communication In Global Context. China Media Research.

Cross, W. & Young, L. (2008). Factors Influencing The Decision Of The Young Politically Engaged To Join A Political Party. *Party Politics*, 14(3): 345-369.

Fatimah, A., & Ali, S. (2015). Partisipasi Politik Belia Secara ‘Online’ Melalui Ruang Demokrasi Maklumat Media Baru. Jurnal Komunikasi Malaysian Journal Of Communication.

Iim, S. (2013). Peran Keluarga Sebagai Agen Sosialisasi Politik Terhadap Orientasi Politik Pemilih Pemula Dalam Pemiliahn Gubernur Jawa Barat DI Kabupaten Indramayu. Universitas Negeri Semarang.

Nancy, L., L., Karen, C., B., & Goerge, A., M. (2008). SPSS For Intermediate Statistics Use And Interpretation. Third Edition. Lawrence Erlbaum Associates.

Neena, S. (1985). Political Socialization And Its Impact On Attitudinal Change Towards Social And Political System: A Case Study Of Harijan Women Of Delhi, New Delhi: M. C. Mittal.

Shukeri, M., Mohamad, A., & Syed, A. (2011). Analisis Pengaruh Politik Islam Di Negeri Kelantan Terhadap Gaya Hidup Masyarakat Di Malaysia. Tajdid Islah. World Congress For Islamic History And Civilization. Academy Of Islamic Study, University Of Malaya.

Sohana, A., H. (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. Journal Of Social Sciences And Humanities. Special Issue 1, 214-226, ISSN: 1823-884X.

Ahmad, R., M., Y. (2003). Demokrasi Dan Kepimpinan Islam. Siri Islam Dan Masyarakat. Utusan publications & Distributors Sdn. Bhd. ISBN 967-61-1205-4